

31 MAR 2001

Dusuki-Perpaduan

SIKAP PAS BOLEH LAHIRKAN GOLONGAN PENGHAKIS KEPENTINGAN MELAYU

IPOH, 31 Mac (Bernama) -- Sikap PAS melengah-lengahkan pertemuan Umno-PAS bagi membincangkan perpaduan Melayu boleh melahirkan golongan yang cuba menghakis kepentingan orang Melayu.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dusuki Ahmad berkata malah akan wujud lebih ramai golongan yang berani mencabar kepentingan dan hak Melayu.

"PAS tidak ikhlas untuk mengadakan pertemuan tersebut tanpa menyedari ianya merugikan bangsa Melayu itu sendiri kerana ada golongan yang cuba mengambil kesempatan dari permasalahan ini," katanya kepada pemberita selepas Program Rakan Bistari Guru-Guru Pendidikan Islam, di sini hari ini.

Kira-kira 70 orang guru agama dari sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan dari seluruh Perak hadir pada program itu yang bertujuan memberi penjelasan tentang visi pemimpin negara dan bertukar-tukar pandangan.

Katanya, walaupun kedua-dua pihak berlainan pendapat dari segi politik tetapi ada persamaan yang boleh dibincangkan dan dilaksanakan untuk kepentingan Melayu sepenuhnya.

"Saya berharap pertemuan dapat dijalankan, walaupun saya tidak yakin memandangkan sikap PAS yang sering memberikan pelbagai alasan. Mereka perlu sedar adanya Islam di Malaysia kerana adanya Melayu. Tidak ada Islam jika tidak ada Melayu," kata Dusuki.

Katanya, PAS meletakkan kepentingan parti lebih dari nilai perpaduan Melayu yang boleh membawa kepada perpaduan nasional kerana takut politik kepartian mereka terjejas oleh sebab pertemuan ini.

"Bagaimanapun, pejabat Umno sentiasa berhubung dengan pejabat PAS untuk cari masa yang sesuai supaya pertemuan ini dapat menjadi kenyataan," katanya.

-- BERNAMA

KAY RI

31/03/2001 16-59ST

aab bns

Mahathir-Injunksi

TINDAKAN TERHADAP AHLI PERNIAGAAN BERHUBUNG INJUNKSI JIKA DIDAPATI ANGGOTA UMNO

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno akan mengambil tindakan terhadap tiga ahli perniagaan yang mengusahakan tindakan undang-undang terhadap sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri Sabah baru-baru ini jika mereka terbukti adalah anggota Umno.

"Jika kita dapati bahawa mereka adalah anggota Umno, tindakan akan diambil terhadap mereka," kata Dr Mahathir yang juga merupakan Pengerusi Barisan Nasional (BN) kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi BN di ibu pejabat Umno di sini.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas jenis tindakan yang akan diambil terhadap ketiga-tiga ahli perniagaan itu.

Dr Mahathir mengakui bahawa terdapat beberapa anggota Umno yang tidak suka dan tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh kepimpinan parti itu.

"Sesetengah orang tidak suka (mengenai sistem itu) jadi mereka cuba ...(menghalang upacara angkat sumpah Datuk Chong Kah Kiat sebagai ketua

menteri Sabah yang baru).

"Tetapi majoritinya suka (dengan sistem ini) dan kita tidak dapat memenuhi hasrat semua orang," katanya semasa ditanya sama ada Umno akan mengambil tindakan terhadap anggota Umno Sabah Umno yang memfailkan injunksi untuk menghalang ketua menteri yang baru itu daripada mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sankaran Dandai.

-- LAGI

AKT ZS RHM

31/03/2001 17-00ST

aab bns

Mahathir-Injunksi 2 Kuala Lumpur

TINDAKAN TERHADAP AHLI PERNIAGAAN - 2

Minggu lepas, dua anggota Umno, Kaiman Buangan dan Abdul Rajik Arin, memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu yang memohon injunksi bagi menghalang pelantikan Ketua Menteri Sabah yang baru mengikut sistem penggiliran. Seorang lagi anggota Umno, Musli Oli, bertindak sebagai jurucakap kumpulan itu.

Dr Mahathir berkata rasa tidak puas hati berhubung keputusan pucuk pimpinan oleh sesetengah anggota parti bukannya sesuatu yang luar biasa.

"Malahan dalam satu parti macam Umno, pucuk pimpinan mungkin memutuskan sesuatu tetapi terdapat anggota yang tidak bersetuju. Ini adalah biasa tetapi apa yang penting ialah kita bersetuju di kalangan parti dan parti mempunyai perwakilan dalam BN," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga menyentuh mengenai isu-isu globalisasi, kesan dan akibatnya kepada Malaysia dan betapa mustahak untuk membuatkan orang ramai faham dengan pendirian kerajaan mengenai isu itu.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa negara-negara atau organisasi-organisasi kaya patut menyumbang kepada negara-negara lebih miskin jika dunia akan diglobalisasikan.

"Sebab itu kenapa terdapat cadangan supaya orang dan negara kaya patut dikenakan cukai dan oleh kerana dunia akan mengalami globalisasi dan hampir menjadi seperti sebuah negara, mereka yang mendapat manfaat daripada globalisasi patut menyumbang untuk menangani masalah yang dihadapi negara-negara yang lebih miskin.

"Negara-negara kaya pastinya tidak menerima cadangan ini ... mereka mahu menyimpan duit mereka bagi diri mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata globalisasi hanya akan memberi manfaat kepada yang kaya kerana mereka mempunyai wang dan adalah adil sekiranya mereka menyumbang bagi pembangunan negara-negara miskin.

-- BERNAMA

AKT ZS RHM